



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KEPERLUAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB
DALAM KALANGAN WARGA EMAS***

HUSAINI BIN KASRAN

FBMK 2014 49



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

**KEPERLUAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB
DALAM KALANGAN WARGA EMAS**



Oleh

HUSAINI BIN KASRAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai Memenuhi Syarat Keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Disember 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

KEPERLUAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN WARGA EMAS

Oleh

HUSAINI BIN KASRAN

Disember 2014

Pengerusi : Che Radiah Binti Mezah, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Analisis keperluan merupakan satu syarat penting dalam membina sesuatu program bahasa Arab yang efektif terutamanya yang melibatkan golongan dewasa khususnya warga emas. Prinsip atau teori pembelajaran dewasa yang melihat bahawa golongan dewasa mempunyai autoriti dalam menentukan keperluan dan kehendak pembelajaran memerlukan kepada analisis awal keperluan tersebut sebelum menjalankan sesuatu modul pembelajaran bahasa kepada mereka bagi memastikan keperluan dan kehendak ini dipenuhi. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor yang mendorong warga emas mempelajari bahasa Arab, menyenaraikan bahan yang bertepatan dengan keperluan pembelajaran mereka serta menganalisis proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang sesuai untuk mereka. Kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif ini melibatkan lima (5) orang responden yang pernah mengikuti kursus bahasa Arab. Pengumpulan data kajian dibuat melalui rakaman temu bual. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga (3) faktor utama golongan warga emas mempelajari bahasa Arab iaitu faktor agama, faktor komunikasi dan faktor kemasyarakatan. Berkenaan bahan pembelajaran, golongan warga emas cenderung untuk mempelajari topik yang berkaitan dengan tema agama, tema komunikasi, unsur bahasa seperti fonologi, morfologi, sintaksis, kosa kata serta keindahan bahasa dan unsur kemahiran bahasa iaitu membaca, bercakap, mendengar dan menulis. Berkaitan analisis proses pengajaran dan pembelajaran pula, pendidik perlu bijak menggunakan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang bertepatan dengan tahap kognitif, afektif dan fizikal golongan tersebut serta bijak menghubungkaitkannya dengan prinsip pembelajaran golongan dewasa. Antara strategi yang sesuai diaplikasikan ialah strategi berpusatkan guru, strategi berpusatkan pelajar dan strategi berpusatkan bahan. Pendekatan yang digemari pula ialah pendekatan tematik, pendekatan komunikasi dan pendekatan al-Quran dan hadis. Sementara itu, kaedah yang boleh diaplikasikan ialah kaedah elektik, kaedah tatabahasa terjemahan, kaedah pengulangan dan kaedah ajuk dan hafal. Berkaitan teknik tenaga pengajar boleh mengaplikasikan teknik soal jawab, teknik main peranan, teknik kuiz dan teknik permainan bahasa. Meskipun begitu terdapat juga teknik yang tidak digemari oleh warga emas seperti teknik nyanyian. Hasil kajian juga telah menemukan beberapa dapatan sampingan antaranya dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran ke atas pelajar warga emas, guru boleh mengadakan ujian ringan, menggunakan bahan bantu mengajar, sentiasa peka akan topik yang diperbincangkan, berusaha untuk tidak mengenakan hukuman serta perlu membuat teguran secara berhikmah atas sebarang kesilapan pelajar. Kajian yang dijalankan ini telah berjaya membuktikan akan kepentingan melaksanakan analisis keperluan kerana ia terbukti berjaya dalam menyingkap keperluan dan kehendak pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan warga emas yang boleh direalisasikan dengan pembinaan suatu modul khusus untuk golongan tersebut.

Abstract of thesis presented to the Senate of Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

NEEDS OF LEARNING ARABIC AMONG THE ELDERLY

By

HUSAINI BIN KASRAN

December 2014

Chair : Che Radiah bt Mezah, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Needs analysis is a critical requirement in building an effective Arabic language program, especially one involving adults, specifically the elderly. Andragogy principles or theories advocating that adults have the authority to determine their learning needs and necessities required an early analysis of those needs before implementing a language learning module on them to ensure that these needs and necessities were met. Therefore, the objective of this study was to identify factors that encourage the elderly to learn Arabic, to list the materials that match their learning needs and to analyse the process of teaching and learning Arabic language deemed suitable for them. This qualitative study involved five (5) respondents who had attended a course in Arabic. Data collection was made via recorded interviews. Findings revealed three (3) key factors affecting the elderly's learning of the Arabic language namely religious, communication and societal factors. With regard to learning materials, the elderly tend to prefer topics related to religion and communication, elements of language such as phonology, morphology, syntax, vocabulary and the beauty of the language itself, as well as language skills elements of reading, speaking, listening and writing. As for analysis of the teaching and learning process, educators needed to wisely employ strategies, approaches, methods and techniques in accordance with the cognitive, affective and physical levels of these elderly as well as be wise in linking them to andragogy principles. Among the suitable strategies applied were teacher-centered, student-centered and materials-centered strategies. The preferred approaches included thematic, communicative and that of the Al-Qur'an and Hadith. Meanwhile, the methods that could be applied encompassed eclectic method, grammar translation method, repetition as well as imitating and memorizing method. With regards to techniques, educators could apply the techniques of questioning, role playing, quizzing and language games. Nevertheless, there was also a technique less favoured by the elderly, which is the singing technique. The study had also revealed several incidental findings in the process of teaching and learning of the elderly students, among which educators could conduct a simple test, use teaching aids, always be aware of the topics discussed, try not to execute punishments and instead resort to giving wise comments when addressing students' mistakes. This research had succeeded in proving the importance of carrying out a needs analysis since it had successfully shed light on the needs and necessities in the learning of Arabic language among the elderly which could be realized through the construction of a new module for this group.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Rasulullah SAW pembawa rahmat sekalian alam.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadarat Ilahi kerana dengan inayah dan taufik-Nya saya dapat menyempurnakan tesis ini yang bertajuk “Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Warga Emas”.

Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya rakamkan khusus kepada Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang diketuai oleh Dr. Che Radiah binti Mezah dan dibantu oleh Dr. Nik Farhan binti Mustapha yang telah banyak membimbing, membantu, memberi tunjuk ajar, memberi idea-idea bernas dan menyelia kerja-kerja penulisan tesis ini dari awal sehingga sempurna.

Penghargaan dan jutaan terima kasih juga turut dihulurkan kepada Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Prof. Madya Dr. Mua'ti @ Zamri bin Abdullah dan Timbalan Dekan Siswazah Prof. Madya Dr. Ain Nadzimah binti Abdullah, serta kepada para pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM atas curahan ilmu yang tidak ternilai harganya, terutamanya Dr. Nik Farhan binti Mustapha, Dr. Pabiyah binti Toklubok @ Hajimaming dan Dr. Mohd Zulkifli bin Ismail.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada Kementerian Pelajaran Malayisa yang telah memberi penajaan dan peluang menyambung pelajaran kepada saya. Tidak ketinggalan kepada sahabat-handai, rakan seperjuangan dan teman-teman yang sentiasa memberi semangat, kata perangsang, motivasi dan dorongan dalam usaha mengejar impian dan cita-cita.

Khusus kepada ibu bapa saya Suratmi binti kKairin dan Kasran bin Marto, anakanda hulukan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kerana melahirkan, menjaga, membesarkan dan mendidik dari kecil sehinggalah ke saat ini. Jasa, pengorbanan, ketabahan, kesabaran, dan titipan doa yang berterusan daripada ayah dan bonda hanya Allah SWt sahaja yang mampu membalas dan mengganjarinya.

Buat isteri tersayang Rosmawati binti Saman @ Ali, dan anak-anak yang dikasihi Alieya Nabila, Alieya Elfina, Aliff Najmi, Alieya Qistina dan Aliff Imran, jutaan terima kasih diucapkan kerana sentiasa memahami diri ini dalam usaha meneroka setitis ilmu Allah SWT yang sangat luas, serta atas segala sokongan, bantuan, dorongan dan kerjasama yang dicurahkan sepanjang pengajian ini.

Semoga segala pengorbanan dan usaha kita semua diterima sebagai satu bentuk amal soleh dan mendapat ganjaran sewajarnya di sisi Allah SWT, amin Ya Rabba Al 'alamin.

HUSAINI BIN KASRAN
26 Syawal 1435H/ 22 Ogos 2014

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan tesis telah berjumpa pada untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi _____ bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Analisis Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Warga Emas” mengikut Akta Universiti dan Kolej 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini dianugerahi Ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Che Radiah binti Mezah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Farhan binti Mustapha

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: 22 OGOS 2014

Nama dan No. Matrik : HUSAINI BIN KASRAN – GS34031

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;

Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Che Radiah binti Mezah, PhD

Jawatankuasa

Penyelian


Tandatangan: _____

Nama Ahli

Nik Farhan binti Mustapha, PhD

Jawatankuasa

Penyelian



JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|---|-------------|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| PENGESAHAN | iv |
| PERAKUAN | vi |
| SENARAI RAJAH | xii |
| SENARAI SINGKATAN | xiii |
| PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI | xiv |

BAB

| | | |
|----------|---|----------|
| 1 | PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 4 |
| 1.4 | Persoalan Kajian | 5 |
| 1.5 | Objektif Kajian | 5 |
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 5 |
| 1.7 | Skop Kajian | 6 |
| 1.8 | Definisi Operasional | |
| 1.8.1 | Analisis Keperluan | 7 |
| 1.8.2 | Warga Emas | 7 |
| 1.8.3 | Program U3A, UPM | 8 |
| 1.8.4 | Faktor Pembelajaran | 8 |
| 1.8.5 | Bahan Pembelajaran | 8 |
| 1.8.6 | Proses Pengajaran dan Pembelajaran | 8 |
| 1.9 | Kesimpulan | 8 |
| 2 | KAJIAN LITERATUR | 9 |
| 2.1 | Pengenalan | 9 |
| 2.2 | Analisis Keperluan | 9 |
| 2.2.1 | Definisi Analisis Keperluan | 9 |
| 2.2.2 | Kepentingan Analisis Keperluan dalam Program Bahasa | 10 |
| 2.2.3 | Model dan Pendekatan Analisis Keperluan | 11 |
| 2.2.3.1 | Model Sociolinguistik | 11 |
| 2.2.3.2 | Pendekatan Sistemik | 11 |

| | | |
|----------|---|-----------|
| 2.2.3.3 | Pendekatan Berpusatkan Pembelajaran | 12 |
| 2.2.3.4 | Pendekatan Berpusatkan Pelajar | 14 |
| 2.2.4 | Analisis Keperluan Dalam Pembinaan Program Bahasa Arab | 15 |
| 2.2.4.1 | Analisis Keperluan dan Elemen Objektif | 15 |
| 2.2.4.2 | Analisis Keperluan dan Elemen Bahan | 16 |
| 2.2.4.3 | Analisis Keperluan dan Elemen Proses Pengajaran dan Pembelajaran | 17 |
| 2.2.4.4 | Analisis Keperluan dan Elemen Penilaian | 19 |
| 2.2.5 | Analisis Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab | 19 |
| 2.2.5.1 | Analisis Keperluan dalam BAUTK | 20 |
| 2.2.5.2 | Analisis Keperluan dalam Pembinaan Modul Bahasa Arab | 21 |
| 2.2.5.3 | Analisis Keperluan dalam Pembinaan Kurikulum Bahasa Arab | 25 |
| 2.3 | Pembelajaran Dewasa | 25 |
| 2.3.1 | Definisi Dewasa | 25 |
| 2.3.2 | Definisi Pembelajaran Dewasa | 26 |
| 2.3.3 | Prinsip dan Ciri Pembelajaran Dewasa | 27 |
| 2.3.4 | Pembelajaran Bahasa Arab Golongan Dewasa (Warga Emas) di Malaysia | 30 |
| 2.3.5 | Kajian Lepas Berkaitan Pembelajaran Bahasa Arab Warga Emas | 32 |
| 2.4 | Permasalahan dan Perbincangan Analisis Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab | 32 |
| 2.4.1 | Pengabaian Pelaksanaan Analisis Keperluan | 33 |
| 2.4.2 | Ketiadaan Modul Bahasa Arab Warga Emas | 34 |
| 2.5 | Kesimpulan | 34 |
| 3 | METODOLOGI KAJIAN | 36 |
| 3.1 | Pengenalan | 36 |
| 3.2 | Kerangka Konseptual Kajian | 36 |
| 3.3 | Reka Bentuk Kajian | 37 |
| 3.3.1 | Kaedah Kajian | 37 |
| 3.3.2 | Instrumen Kajian | 38 |

| | | |
|----------|--|-----------|
| 3.3.3 | Sampel Kajian | 38 |
| 3.3.4 | Lokasi Kajian | 39 |
| 3.4 | Keabsahan Kaedah | 39 |
| 3.4.1 | Keabsahan Item Soalan Temu bual | 39 |
| 3.4.2 | Keabsahan Item Rakaman Temu bual | 39 |
| 3.4.3 | Keabsahan Dapatan Kajian | 39 |
| 3.5 | Kajian Rintis | 41 |
| 3.6 | Proses Pengumpulan Data | 41 |
| 3.6.1 | Prosedur Sebelum Kajian | 41 |
| 3.6.2 | Prosedur Semasa Kajian | 42 |
| 3.6.3 | Prosedur Selepas Kajian | 42 |
| 3.7 | Proses Analisis Data | 42 |
| 3.7.1 | Prosedur Analisis Data Objektif Satu | 44 |
| 3.7.2 | Prosedur Analisis Data Objektif Dua | 44 |
| 3.7.3 | Prosedur Analisis Data Objektif Tiga | 44 |
| 3.8 | Keabsahan Analisis Data | 45 |
| 3.9 | Kesimpulan | 45 |
| 4 | DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN | 46 |
| 4.1 | Pengenalan | 46 |
| 4.2 | Dapatan Kajian | 46 |
| 4.2.1 | Analisis Faktor yang Mendorong Warga Emas Mempelajari Bahasa Arab | 46 |
| 4.2.2 | Analisis Bahan Pembelajaran Bahasa Arab | 53 |
| 4.2.3 | Analisis Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Warga Emas | 61 |
| 4.3 | Dapatan Sampingan | 67 |
| 4.4 | Kesimpulan | 69 |
| 5 | RUMUSAN DAN CADANGAN | 70 |
| 5.1 | Pengenalan | 70 |
| 5.2 | Rumusan | 70 |
| 5.2.1 | Faktor Warga Emas Mempelajari Bahasa Arab | 70 |
| 5.2.2 | Bahan Pembelajaran Bahasa Arab untuk Warga Emas | 71 |
| 5.2.3 | Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Warga Emas | 72 |
| 5.3 | Cadangan | 74 |
| 5.3.1 | Cadangan untuk Penambahbaikan Pengajaran dan Pembelajaran untuk Warga Emas | 74 |
| 5.3.2 | Cadangan Kajian Lanjutan | 76 |
| 5.4 | Kesimpulan | 76 |
| | BIBLIOGRAFI | 78 |
| | LAMPIRAN | 86 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa yang dipandang tinggi oleh masyarakat Islam seluruh dunia. Penurunan kitab suci al-Quran al-karim yang menjadi panduan utama hidup manusia dengan bahasa ini telah mengangkat martabat bahasa Arab ke suatu tahap yang tiada tandingannya dengan bahasa lain. Hal ini jelas diungkapkan dalam firman Allah SWT yang bermaksud: *“Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya”*. (Surah Yūsuf, 12:2). Dalam ayat yang lain Allah SWT berfirman maksudnya: *“Sebuah kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu, iaitu Al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab bagi faedah orang-orang yang mengambil tahu dan memahami kandungannya”*. (Surah Fuṣṣilat, 41:3). Perkaitan rapat bahasa Arab dengan agama Islam menjadi tanda wajibnya setiap individu muslim untuk mempelajari bahasa ini. Hal ini demikian kerana, setiap muslim wajib untuk mendalami ilmu agama bagi memantapkan nilai iman dan amalnya kepada Allah SWT. Untuk memantapkan kedua-dua unsur tersebut, setiap muslim perlu mendalami al-Quran dan hadis yang menjadi sumber utama agama Islam dan kedua-duanya datang dengan bahasa Arab. Malah, kebanyakan ibadah yang diamalkan oleh individu muslim juga dalam bahasa Arab seperti bacaan ayat-ayat al-Quran, hadis Rasulullah, bacaan dalam ibadah seperti solat dan haji serta bacaan zikir dan doa (Mohd Shahrizal et.al, 2012). Satu kaedah dalam usul Fiqh menyebut: *“Tidak sempurna sesuatu kewajipan kecuali dengannya, maka ia dikira wajib”*. Oleh sebab itu seseorang muslim tidak mampu untuk mendalami agamanya dengan sempurna melainkan sekiranya dia terlebih dahulu belajar dan mendalami bahasa Arab kerana hubungan antara kedua-duanya seperti hubungan dalam satu anggota tubuh (Taha, 1994).

Pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan agama merupakan faktor pendorong utama masyarakat Islam mempelajari bahasa ini. Taha (1994) menegaskan bahawa dengan mempelajari bahasa Arab setiap muslim berkeupayaan untuk melaksanakan syiar agamanya seperti solat, membaca al-Quran dan Hadis serta mempelajari ilmu-ilmu syariat yang lain. Maka tidak hairanlah jika kita melihat ramai daripada golongan orientalis barat yang menyedari hakikat ini berusaha untuk menjauhkan umat Islam secara khusus dan masyarakat dunia secara umum daripada mendalami bahasa Arab. Hal ini kerana penggunaan meluas bahasa ini akan membuka ruang yang luas kepada perkembangan Islam di seantero dunia (Zainul Rijal et.al , 2007).

Dewasa ini perkembangan bahasa Arab bukan hanya berkisar kepada aspek agama semata-mata, bahkan ia melangkaui ke bidang-bidang yang lain seperti tujuan perdagangan, pendidikan, pelancongan, politik dan sebagainya (Zainul Rijal et.al, 2007). Bertitik tolak daripada keadaan ini, kita dapati bahawa bahasa Arab dipelajari oleh segenap lapisan masyarakat, bermula daripada kanak-kanak, remaja, golongan dewasa malah warga emas. Kecenderungan warga emas untuk mempelajari bahasa ini dapat dilihat dengan ramainya daripada golongan ini yang mengikut kelas-kelas pembelajaran bahasa Arab sama ada secara formal mahupun informal. Menurut Che

Radiah & Masittah (2011), golongan warga emas ini menjadi antara golongan utama yang mengikuti kelas-kelas pengajian bahasa Arab ini di masjid, surau, pusat pendidikan bahasa Arab awam mahupun swasta dan sebagainya. Contohnya, pelajar warga emas yang mengikuti pengajian di Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia juga telah memilih bahasa Arab sebagai bahasa yang ingin dipelajari bagi memenuhi keperluan utama mereka dalam mendalami agama melalui kefahaman jitu kepada al-Quran dan Hadis serta suatu usaha pemantapan kualiti ibadah harian mereka.

Melihat kepada senario ini, maka suatu usaha dalam menyediakan bahan pembelajaran, serta merangka pendekatan atau teknik terbaik dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran perlu dikaji dan dijelmakan agar usaha warga emas ini dalam mempelajari bahasa Arab menjadi suatu yang benar-benar berhasil dan matlamat pembelajaran mereka tercapai. Che Radiah & Masittah (2011) menyebut, persediaan dan perancangan pengajaran yang dibina harus mengambil kira kepada keperluan dan kehendak sebenar warga emas tersebut. Aspek fisiologi, psikologi, situasi kehidupan, latar belakang dan pengalaman mereka serta disepadukan bersama dengan teori pembelajaran dewasa (*andragogi*) menjadi asas utama dalam membina program pembelajaran berkesan kepada golongan ini. Sekiranya aspek tersebut tidak diberi perhatian, matlamat dan objektif pembelajaran mungkin tidak dapat dicapai sepertimana yang dihasratkan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan golongan dewasa terutamanya warga emas merupakan antara topik yang hangat diperbincangkan oleh sarjana bahasa. Banyak persoalan yang sering ditimbulkan berkenaan kemampuan generasi ini dalam mempelajari bahasa asing pada usia mereka. Meskipun ada antara warga emas ini yang mempunyai matlamat dan objektif jelas serta bermotivasi tinggi untuk mempelajari sesuatu bahasa kedua, tetapi ramai yang masih sangsi terhadap keupayaan mereka dalam proses pemerolehan bahasa tersebut. Kebanyakan mereka beranggapan bahawa usia tua bukanlah masa yang sesuai untuk mempelajari sesuatu bahasa baharu kerana ketika usia ini banyak faktor luaran mahupun dalaman yang dapat mengekang keberhasilan pembelajaran mereka. Lunandi (1987), beranggapan bahawa terdapat korelasi negatif antara pertambahan usia dengan kemampuan belajar golongan dewasa. Menurutnya, pertambahan usia bermakna aspek fizikal yang melibatkan kemampuan melihat, mendengar dan menyebut juga akan menurun. Bertambahnya usia juga bermakna kemampuan daya fikir dan tumpuan juga akan terjejas. Malah ada yang melihat perkara ini berdasarkan kepada peribahasa popular dalam bahasa Inggeris, iaitu “*You can't teach an old dog new tricks*”.

Akan tetapi, tanggapan itu kini telah berubah dengan banyaknya penemuan yang membuktikan bahawa belajar bahasa di usia tua tetap boleh berjaya sebagaimana belajar di usia muda. Brown (2001) sebagai contoh menyatakan bahawa seorang yang berusia 50 tahun mampu berjaya untuk mempelajari sesuatu bahasa kedua sama seperti pelajar yang berusia 18 tahun dengan syarat kedua-duanya diberi peluang pembelajaran yang sama rata. Beliau turut menjelaskan bahawa kenyataan yang mengatakan golongan kanak-kanak lebih cemerlang dalam mempelajari sesuatu bahasa baharu adalah satu mitos semata-mata. Jika seseorang yang berumur tidak berupaya menguasai proses pemerolehan bahasa kedua, ia bukanlah disebabkan oleh

kemampuan atau efikasi semulajadinya tetapi berkemungkinan besar kesan daripada faktor hambatan fizikal, kognitif dan afektif yang berlaku kepada mereka.

Sementara itu, Schleppegrell (1987) menyatakan kajian yang dijalankan oleh Kreshen, Long dan Scarcella (1979) membuktikan bahawa meskipun kanak-kanak memiliki kelebihan dalam menguasai sesuatu bahasa ibunda dengan fasih dalam jangka masa panjang, golongan lebih dewasa pula memiliki kelebihan dalam kepantasan mempelajari bahasa berbanding kanak-kanak. Ini kerana, kemampuan untuk belajar sesuatu yang baharu tidak akan menurun dengan meningkatnya usia. Selagi kesihatan berada pada tahap terbaik, tahap intelektual juga tidak akan akan berkurang meskipun mereka menjangkau ke usia 80 dan 90 tahun ataupun lebih (Ostwald dan William, 1985).

Tu'aymah dalam Taha (1994), menyatakan bahawa terdapat banyak kajian yang membuktikan bahawa apa yang diperolehi oleh golongan kanak-kanak selama dua tahun atau tiga ribu jam, mampu dicapai oleh individu lebih berusia hanya dalam jangka masa 270 hingga 750 jam sahaja. Malah golongan dewasa yang tidak mempunyai kemahiran membaca dan tergolong dalam kategori sederhana dalam pembelajaran juga berupaya untuk mempelajari sesuatu 4 kali ganda lebih cepat berbanding kanak-kanak. Antara faktor yang menyebabkan keadaan tersebut ialah kerana bagi orang dewasa matlamat dan dorongan untuk mempelajari sesuatu adalah lebih jelas berbanding kanak-kanak. Sesuatu matlamat yang telah disasar dan ingin dicapai telah menyebabkan golongan dewasa ini lebih bermotivasi dan bersedia sepenuh usaha serta mengembleng seluruh tenaga untuk cuba merealisasikan.

Schleppegrell (1987) menambah bahawa hakikatnya, otak golongan dewasa dapat mempelajari bahasa baharu dengan lebih mudah dan lebih teliti berbanding kanak-kanak. Mereka mampu untuk menguasai kemahiran sesuatu bahasa lain lebih cepat berbanding kanak-kanak kerana mereka telah menguasai bahasa sedia ada (ibunda) yang digunakan oleh mereka. Golongan tua boleh menjadi pelajar bahasa yang baik sekiranya sebarang kesulitan dan halangan dalam proses pembelajaran diatasi dengan bijak. Antaranya dengan menjadikan suasana pembelajaran lebih fleksibel, menitik beratkan aspek afektif mereka serta menggunakan kaedah pengajaran yang efektif.

Tambahan pula, terdapat kajian yang membuktikan bahawa individu yang menguasai lebih daripada satu bahasa akan memperoleh manfaat yang besar ke atas tahap kognitif mereka apabila menginjak ke usia tua. Kajian terkini yang dijalankan oleh Craik et.al (2010) menunjukkan bahawa golongan yang menguasai dua bahasa atau berterusan untuk belajar lebih satu bahasa, lewat untuk diserang penyakit *alzheimer* sekurang-kurangnya untuk tempoh lima tahun. Kajian tersebut telah dijalankan ke atas 211 responden yang berisiko mengalami penurunan keupayaan kognitif, dengan 109 responden adalah *monolingulism* dan 102 lagi adalah *biligualism*. Faktor pendidikan dan pekerjaan tidak mempengaruhi dapatan kajian tersebut kerana ada antara responden *monoligualism* yang mendapat pendidikan lebih formal juga lebih cepat diserang *alzheimer* berbanding responden *biligualism* yang tidak mendapat pendidikan formal. Kajian ini menjadi pendorong kepada golongan dewasa untuk mempelajari bahasa baharu demi memelihara ketajaman minda dan keupayaan kognitif.

Schlepperegell (1987) juga menjelaskan bahawa untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa kepada warga emas perlu mengetahui dengan jelas dorongan, matlamat, keperluan serta kaedah atau aktiviti sesuai untuk diterapkan kepada golongan ini. Sekiranya aspek tersebut tidak diambil perhatian serius maka proses pemerolehan bahasa tersebut amat sukar untuk menampakkan keberhasilannya. Oleh itu, sebelum melaksanakan sesuatu program kepada golongan ini, maka langkah terawal yang mesti dilakukan ialah menganalisis keperluan mereka bagi mengenal pasti faktor mereka mempelajari bahasa kedua, bahan pembelajaran yang sesuai untuk mereka serta proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik efektif bagi diaplikasikan ke atas mereka.

Justeru, kajian ini akan cuba mengkaji berkaitan aspek-aspek tersebut dengan menjadikan warga emas sebagai responden utama dalam mengenal pasti kehendak dan keperluan mereka mempelajari bahasa Arab. Analisis keperluan yang bakal dilaksanakan diharap menemukan suatu program yang benar-benar bersesuaian dengan warga emas serta membuka jalan kepada suatu penerapan proses pengajaran dan pembelajaran yang menitikberatkan aspek fizikal, kognitif dan afektif mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Dewasa ini kecenderungan warga emas untuk mempelajari bahasa Arab di negara kita semakin meningkat. Keadaan tersebut dapat dilihat menerusi peningkatan jumlah yang agak ketara golongan tersebut dalam mengikuti kelas pengajian bahasa Arab sama ada secara formal atau tidak formal di pusat pengajian tinggi, pusat bahasa Arab, kolej komuniti, masjid, surau dan sebagainya (Che Radiah & Masittah, 2011). Perkembangan positif ini menunjukkan bahawa kesedaran orang ramai untuk mempelajari dan mendalami bahasa Arab sudah semakin meningkat apatah lagi ia merupakan bahasa yang bertaut kuat dengan agama Islam.

Meskipun keadaan tersebut dianggap baik, tetapi kegagalan sesetengah institusi atau pusat pengajaran bahasa Arab untuk menyediakan suatu program pembelajaran yang menepati matlamat, tujuan dan keperluan warga emas untuk mempelajari bahasa tersebut telah merencatkan kesungguhan dan motivasi mereka untuk terus mengikuti pengajian tersebut. Bahan pembelajaran yang agak tinggi serta proses pengajaran dan pembelajaran yang kurang bersesuaian dengan tahap intelek dan fizikal mereka menjadi penyumbang utama kepada kemerosotan jumlah kehadiran warga emas ini dalam kelas-kelas bahasa Arab yang mereka ikuti (Che Radiah & Masittah, 2011).

Kepentingan mengetahui latar belakang pelajar dan tujuan mereka mempelajari bahasa Arab telah dibuktikan oleh beberapa kajian yang dijalankan sebelum ini antaranya oleh Taha (1994), Lazim (2000), Anzaruddin (2008), Ghazali Yusri *et.al* (2010), Che Radiah & Masittah (2011) dan Mohd Shahrizal *et.al* (2012).

Melalui pengetahuan mengenai matlamat, keperluan serta latar belakang pelajar mempelajari bahasa Arab maka bahan pembelajaran serta proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pendekatan serta aktiviti-aktiviti bersesuaian mampu untuk diaplikasikan dengan jayanya seterusnya dapat menarik minat mereka untuk terus konsisten mengikuti kursus yang dijalankan serta memberi impak positif ke atas prestasi pembelajaran (Ghazali Yusri *et.al* (2010).

Justeru, melihat kepada peri pentingnya mengetahui faktor, tujuan dan kehendak warga emas dalam usaha mempelajari bahasa Arab, serta pengalaman dan tahap keupayan dari sudut fizikal dan kognitif mereka, maka antara perkara utama yang perlu dilakukan oleh penyedia program bahasa adalah membuat analisis keperluan. Ia penting dalam usaha menyediakan objektif, bahan, serta proses pengajaran dan pembelajaran yang benar-benar bersesuaian dengan warga emas.

Memandangkan belum ada kajian yang dijalankan berkenaan analisis keperluan pembelajaran bahasa Arab untuk warga emas, maka pengkaji terdorong untuk menjalankan kajian ini agar suatu program bahasa Arab yang efektif khusus untuk mereka dapat dihasilkan. Satu-satunya kajian yang dijalankan sebelum ini mengenai pembelajaran bahasa Arab warga emas iaitu kajian yang dijalankan oleh Che Radiah & Masittah (2011), hanya menyentuh berkenaan aspek kesesuaian topik dan tema dengan prinsip andragogi tanpa melibatkan proses analisis keperluan. Semoga kajian ini menjadi satu usaha dalam menanam rasa cinta dan menyuburkan motivasi dalam diri warga emas untuk terus konsisten mempelajari bahasa al-Quran di usia emas, insya-Allah SWT.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah sebelum ini, beberapa persoalan kajian akan dibincang dan dihurai dalam kajian ini. Persoalan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Apakah faktor yang mendorong warga emas mempelajari bahasa Arab?
- ii. Apakah bahan pembelajaran bahasa Arab yang ingin dipelajari oleh warga emas?
- iii. Bagaimanakah proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab warga emas dilaksanakan?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa objektif yang berikut:

- i. Mengenal pasti faktor yang mendorong warga emas mempelajari bahasa Arab
- ii. Menyenaraikan bahan pembelajaran bahasa Arab untuk warga emas
- iii. Menganalisis proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang sesuai untuk warga emas

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian berkenaan analisis keperluan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan warga emas amat kurang disentuh oleh pengkaji-pengkaji bidang linguistik terapan sebelum ini, khususnya di Malaysia.

Justeru, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk menambahkan kajian sedia ada dengan harapan seperti berikut:

Kajian ini dilihat dapat membantu pihak yang bertanggungjawab dalam menyediakan modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab agar dapat membina

dan menyusun satu modul khusus untuk warga emas agar matlamat dan objektif yang digariskan dapat dicapai sebagaimana yang dihasratkan. Kepekaan dan keprihatinan penyedia modul untuk mengaplikasikan modul pembelajaran yang dibersandarkan kepada analisis keperluan dengan melihat kehendak dan keperluan sebenar pelajar warga emas bukan sahaja dapat mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang efektif malah mampu untuk menambah rasa kecintaan mendalam warga emas terhadap bahasa syurga ini.

i. Kajian ini dijangka dapat mengkaji perkara yang berkaitan dengan prinsip andragogi khususnya yang melibatkan bidang lingusitik. Hal ini demikian kerana kajian mengenai andragogi ini sangat berkurangan di Malaysia, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab. Ini ditambah pula fenomena sekarang yang memperlihatkan peningkatan kecenderungan golongan warga emas ini belajar di usia tua, khususnya pembelajaran bahasa Arab memerlukan kepada banyaknya kajian yang perlu dilakukan demi memastikan motivasi mereka untuk terus belajar pada usia emas ini sentiasa subur dan tidak menjadi malap hasil daripada tiadanya sokongan atau modul pembelajaran yang bersesuaian dengan mereka.

ii. Dapatan kajian juga diharap akan dapat memberikan sumbangan kepada guru-guru yang mengajar golongan dewasa amnya, dan warga emas khususnya agar dapat menggunakan kaedah atau metod terbaik dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti-aktiviti yang dicadangkan dalam kajian ini, hasil daripada dapatan yang diperoleh, dapat menjadi panduan kepada para guru untuk membina satu suasana pengajaran dan pembelajaran yang benar-benar sesuai untuk diaplikasikan kepada golongan warga emas ini. Kesilapan dalam menerapkan proses pengajaran dan pembelajaran terbaik kepada golongan warga emas boleh menurunkan semangat dan motivasi mereka untuk belajar.

1.7 Skop Kajian

Kajian yang baik harus memiliki objektif, matlamat dan fokus yang jelas agar ia lebih terarah dan mudah untuk difahami oleh semua. Justeru, skop kajian ini akan memberi gambaran jelas terhadap bidang, subjek dan kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini.

i. Bidang kajian

Kajian tentang analisis keperluan yang akan dibincangkan ini lebih menjurus kepada faktor-faktor pendorong warga emas mempelajari bahasa Arab pada usia emas mereka. Faktor-faktor yang diperoleh akan membawa kajian kepada aspek kedua iaitu bahan pembelajaran, kemahiran serta topik yang ingin dipelajari dan dikuasai oleh mereka. Kajian juga akan menyentuh proses pengajaran dan pembelajaran efektif untuk warga emas yang terdiri daripada strategi, pendekatan, kaedah dan teknik. Akhirnya, pengkaji akan berusaha membentuk satu kesimpulan tentang perkaitan rapat yang signifikan antara analisis keperluan dengan setiap aspek yang akan dikaji dan diteroka dalam kajian ini.

i. Subjek kajian

Pengkaji memilih lima orang responden berumur antara 58 hingga 73 tahun yang merupakan pelajar dan juga bekas pelajar program *University of the Third Age* (U3A), Institut Gerontologi UPM, Serdang serta mengikuti pembelajaran bahasa Arab. Mereka ini telah mengikuti program pengajian tersebut sekurang-kurangnya satu semester agar mereka mempunyai gambaran awal terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Pengalaman mereka ketika mengikuti proses pembelajaran membantu mereka dalam memberi cadangan dan idea terbaik dalam memastikan kajian ini berjaya kerana mereka dapat membandingkan antara keperluan sebenar mereka dengan pengalaman yang diperolehi ketika mengikuti program pengajian tersebut. Malah mereka juga dapat memberi input berkenaan kandungan bahan atau topik pembelajaran serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang mereka mengikuti program tersebut.

ii. Kaedah kajian

Memandangkan kajian ini bersifat kualitatif, maka pengkaji menggunakan kaedah temu bual untuk mengutip data. Justeru, pengkaji akan menggunakan instrumen kajian seperti menyediakan item temu bual yang terdiri daripada soalan-soalan yang ingin ditanya kepada responden. Di samping itu, pengkaji juga menggunakan perakam suara digital untuk merakam aktiviti temu bual bagi melancarkan proses mengutip data. Nota catatan serta dokumen sokongan juga digunakan bagi memantapkan lagi proses pengumpulan dan penganalisan data. Pengkaji akan melakukan proses transkripsi dan data yang diperolehi hanya akan dianalisis berdasarkan temu bual yang dijalankan berpandukan kepada soalan-soalan yang telah dibina berdasarkan objektif kajian.

1.8 Definisi Operasional

Kajian ini berkisar kepada definisi yang dimaksudkan seperti berikut:

1.8.1 Analisis keperluan

Analisis keperluan merupakan suatu teknik atau prosedur untuk mengumpul maklumat yang diperlukan dalam membentuk suatu silibus atau program pembelajaran. Dalam kajian ini, pendekatan berpusatkan pembelajaran yang diperkenalkan oleh Hutchinson dan Walters (1987) akan digunakan kerana ia sangat bersesuaian dengan matlamat dan objektif kajian.

1.8.2 Warga Emas

Dasar warga emas negara telah mentakrifkan warga emas sebagai mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas. Takrifan ini berpandukan kepada takrifan yang dibuat di "*World Assembly On Aging in 1982*" Vienna. Meskipun begitu, kajian ini mengambil kira mereka yang berumur 56 dan ke atas memandangkan ia merupakan peringkat umur persaraan bagi sesetengah individu di negara ini.

1.8.3 Program U3A, Universiti Putra Malaysia

U3A merupakan singkatan kepada *University of the Third Age*, atau Universiti Era Ketiga merupakan salah satu program di bawah projek “pembelajaran sepanjang hayat untuk warga emas” di bawah kelolaan Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia. Projek ini telah mendapat sokongan padu dan bantuan daripada Kerajaan Malaysia dan Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNFPA).

1.8.4 Faktor pembelajaran

Faktor pembelajaran merujuk kepada sebab atau punca seseorang itu mempelajari sesuatu. Dorongan ini mungkin timbul berpunca daripada sebab luaran seperti pengaruh persekitaran atau sebab dalaman seperti berasa akan kekurangan diri dan sebagainya.

1.8.5 Bahan pembelajaran

Bahan pembelajaran merujuk kepada isi kandungan pembelajaran yang perlu untuk dipelajari dan dikuasai oleh pelajar dalam sesi pembelajaran seperti tema, topik dan kemahiran.

1.8.6 Proses pengajaran dan pembelajaran

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu proses yang melibatkan aspek strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang diaplikasikan oleh guru dalam menyampaikan pelbagai disiplin ilmu kepada pelajar.

1.9 Kesimpulan

Kesungguhan dan motivasi tinggi yang ditunjukkan oleh golongan warga emas untuk mempelajari bahasa Arab pada usia senja memerlukan satu usaha perlu dilakukan bagi memastikan semangat itu terus menyala dan tidak padam. Justeru, pengkaji terpenggil untuk menjalankan kajian ini yang cuba untuk mengupas beberapa permasalahan yang melibatkan warga emas dalam usaha mereka mempelajari bahasa Arab, antaranya faktor mereka mempelajari bahasa Arab, bahan pembelajaran yang ingin dikuasai, serta proses efektif yang perlu diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Semoga kajian yang dijalankan ini dapat memberi faedah yang dapat dimanfaatkan bagi menyuburkan lagi bahasa al-Quran di atas muka bumi Allah SWT SWT.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim dan Terjemahan

Abdullah Jusoh (1998). *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur. DBP

Abdul Majid, Solah Al-'Arabi. (1981). *Ta'allum Al-Lughah Al-Hayyah Wa Ta'līmahā Bayna Al-Nazariyyāt Wa Al-Taṭbīq*: Maktabah Lubnān

Ahmad, Abdul Qadir. (1982). *Ṭuruq al-Ta'līm al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Mubtadi'īn*. Al-Kaherah, Maktabah al-Nuḥḍah al-Miṣriyyah

Abu Khudhairi, Arif Karkhi. 1994. *Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah Li Ghairi a'Arab Dirāsāt Fi al-Manāhij Wa Ṭuruq al-Tadrīs*. Kaherah: Dar al-Thaqafah.

Abu Saleh, Muhibuddin Ahmad (1988). *Asasiyyāt fi Ṭuruq al-Tadrīs al-'Ammāh*. Riyad: Dar al-Huda.

Ahmad Hasan Halis. 1984. *Bina' Wiḥdah li Ta'līm al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Ajānib*. Tesis sarjana. Ma'had al-Khurṭum al-Dawlīy

Ali Muhammad 'Abud. (1990). *I'dād Wiḥdah li Ta'līm al-Lughah al-'Arabiyyah li Ghayri al-Nātiqīn bihā li al-Mubtadi'īn al-Kibār*. Tesis sarjana. Ma'had al-Khurṭum al-Dawlīy.

Al-Naqah, Mahmud Kamil. (1985). *Ta'līm al-Lughah al-'Arabiyyah Linnātiqīna bi Lughah Ukhrā: Ususuhū – Madākhiluhū - Ṭuruq Tadrisuhū*. Sawdī 'Arabia, Jami'ah Ummu al-Qurā

Al-Tha'ālibī, Abī Mansūr 'Abd al-Mālīk bin Muhammad bin Ismā'īl. Tahqiq: Al-Ayyubī,

Yasīn (2000). *Fiqh al-Lughah Wa Asral al-'Arabiyyat*. Beirut, Al-Maktabat al-'Aṣriyyat

Anīs Ibrāhīm, Muntaṣar 'Abd al-Halīm, Al-Ṣawalihī, Ahmad Muhammad Khalfullah. (1972). *Al-Mu'jam al-Wasīf*. Kaherah.

Anthony, Edward M. (1963). "Approach, Method and Technique." *English Language Teaching Journal* 17: (pp: 63-57).

Anzaruddin Ahmad. (2004). *Bahasa Arab untuk Tujuan Agama: Kajian Terhadap Sikap dan Motivasi Golongan Profesional*. Disertasi Sarjana, Fakulti Bahasa dan Liguistik, Universiti Malaya.

Anzaruddin Ahmad. (2008). Kepentingan Analisis Keperluan Dalam Penyelidikan Dan Peranannya Dalam Penggubalan Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus. *International Seminar on Research in Islamic Studies Proceedings*

dalam Ridzwan Ahmad, Mohd Roslan Mohd. Nor and Mohd Zaidi Daud (pnyt). Kuala Lumpur: Universiti Malaya. (pp. 633-645).

Berwick, R. (1989). *Needs Assessment in Language Programming : From Theory to Practice*. Dlm: Johnson, R. K. (Ed). *The Second Language Curriculum* (pp.48-62). Cambridge: Cambridge University Press .

Bogdan, R.C., & Biklen, S.K. (1982). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods* (Third Edition). Boston: Allyn and Bacon

Brindley, G. (1989). *The Role of Needs Analysis in Adult ESL Programme Design*. Dlm Johnson, K. (Pnyt.) *The Second Language Curriculum*, (pp: 63-78). Cambridge: Cambridge University Press

Brown, J. D. (1995). *The Elements of Language Curriculum: A Systematic Approach to Program Development*. New York: Heinle & Heinle

Bower, R. (1980). *The Individual Learner in the General Class*. Dlm Altman, H. B. & James C. V. *Foreign Language Teaching: Meeting Individual Needs*. (pp. 66-80). Oxford:Pergamon Press Ltd.

Clark, M.C. & Caffarella, S.R. (1999). *An Aupdate on Adult Development Theory: New Way of Thinking About the Life Course*. Jossey, Bass, San Francisco, California

Craik F.I., Bialystok E. & Freedman M. (2010). *Delaying the Onset of Alzheimer Disease: Bilingualism as a Form of Cognitive Reserve*. *Neurology*, 75 (19), (pp:1726-1729).

Chamnung Kaewpet (2009). A Framework for Investigating Learner Needs: Needs Analysis Extended to Curriculum Development. *Electronic Journal of Foreign Language*

Teaching, 2009, vol. 6, no.2, (pp.209-220), National University of Singapore.

Che Radiah Mezah & Raja Masittah, R. A.(2011). Pengajaran Bahasa Arab Warga Emas U3A Serdang: Satu Kajian Penerokaan. Dalam : *Enhancing Islamic & Arabic Language Education Through Quality Research Terbitan Assosiation of Malaysian Muslim Intelectuals*. Seri Kembangan, Selangor.

Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw hill Education

Cresswell, John.W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Sage Publication. Inc, California.

Dasar Warga Emas Negara.

http://www.jkm.gov.my/file/file/pdf/dasar_warga_emas_negara.pdf (3/9/2013)

- David, R. Krathwohl. (1993). *Methods of Educational and Social Science*. New York, Longman Publishing Group.
- Duncan, A. & Dunn, W. (1991). *What Primary Teachers Should Know About Assessment*. London: Hodder and Stoughton.
- Evans, Tony Dudley & Maggie, Jo St John. (1998). *Development in ESP: a Multidisciplinary Approach*. Cambridge : Cambridge University press
- Faiz S. Abdullah. (1993). Reconciling Types of Needs in ESP For The University: Whither Happy Mean? *In Proceedings of the 2nd National ESP Seminar: English for Specific Purposes: Applications and Implications for Human Resource Development* . (pp:22 -23 November 1993. Skudai: UTM Press, pp. 1-16.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. (2010). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM). *Gema Online Journal of Language Studies*, 10 (3): (pp: 37-50).
- H. Salimudin A. Rahman, M. (2007). *Tatabahasa Arab untuk mempelajari al-Quran*. Bandung : Sinar Baru
- Hamidun Hj Ramli. (1988). *Taṣmīm Manhaj Ta'lim al-Lughah al-Arabiyyah ka Lughah Ajnabiyyah al-Ṭariqah al-Sam'iyyah al-Shafahiyyah – al-Tarkibiyyah al-Ijmāliyyah*. Tesis sarjana. Ma'had al-Khurṭum al-Dawlī.
- Hutchinson, T. & Waters, A. (1987). *English for Specific Purposes: A Learning-Centered Approach*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Iwai, T., Kondo, K., Limm, S. J. D., Ray, E. G., Shimizu, H., and Brown, J. D. (1999). *Japanese language needs analysis*. Available at <http://www.nflrc.hawaii.edu/Networks/NW13/NW13.pdf>
- Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Asing.
<http://language.um.edu.my/images/fl/doc/KURSUS-KURSUS%20YANG%20DITAWARKAN%20OLEH%20JBABBTT.pdf.24/4/2014>
- Jordan, R. R. (1997). *English For Academic Purposes: A Guide and Resource Book For Teacher*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kamarudin Hj. Husin. (1988). *Pedagogi Bahasa*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Knowles, M. (1973). *The Adult Learner: A Neglected Species (1st Ed.)*. Houston, TX: Gulf Publishing.

- Knowles, M. (1984). *The Adult Learner: A Neglected Species (3rd Ed.)*. Houston, TX: Gulf Publishing.
- Knox, A.B. (1986). *Adult and Continuing Education (1st ed)*. Jossey, Bass, San Francisco, California.
- Lazim Omar. (2000). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab untuk Tujuan-tujuan Khas: Analisis Keperluan di Malaysia*. Tesis Ph.D. Fakulti Pengajian Islam, UKM
- Lieb, S. (1991). *Principles Of Adult Learning*,. Phoenix : South Mountain Community College.
- Long, M.H. (2005). *Methodological Issues In Learner Needs Analysis*. In M.H. Long (Ed.), *Second Language Needs Analysis*, (pp: 19-76). Cambridge: Cambridge University Press.
- Lubna Abd Rahman, A. A. (2008) . *Mengenal Bahasa Arab Menerusi al-Quran*. Nilai. Penerbit USIM.
- Lunandi. A. A. (1987). *Pendidikan Dewasa:Sebuah Uraian Praktis Untuk Pembimbing, Penatar, Pelatih Dan Penyuluh Lapangan*. Jakarta: PT Gramedia.
- Marshall, C. & Rossman, G.B. (1995). *Designing Qualitative Research (2nd ed)*. California -Sage.
- Mazanah Mohamad & Carter, G.L. (2000). *Prinsip Pemelajaran Orang Dewasa*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Md. Nasir Omar. (1996). *Pengajaran Bahasa Arab Kepada Pelajar-Pelajar Peringkat Permulaan Di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Md. Taha Ariffin. (1995). *Manhaj Muqtarah fi Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah ka Lughah al-Thāniyah li al-Kibār fi Māliziyyā*. Tesis sarjana. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mill, M.B. (1979). *Qualitative Data As An Attractive Nuisance*. Journal Of Administrative Science Quartely. 24, (pp: 590-600).
- Mat Taib Pa & Mohd Rosdi Ismail (2006). *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Shahrizal Nasir , Mohd Firdaus Yahaya & Muhammad Sabri Shahrir. (2013).*Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Awam*. Kertas kerja dibentangkan dalam 4th Malaysia International Conference on Foreign Languages, 3-4 July 2013, Kompleks Seri Negeri, Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh, Melaka, Malaysia.

- Mohd Mahib ur Rahman. (2011). *English Language Teaching (ELT) In Saudi Arabia: A Study Of Learner's Needs Analysis With Special Reference To Community College, Najran University, Najran, Saudi Arabia*. Capaian: <http://languageinindia.com/april2011/rahmanreportdissertationfinal.html>
Pada: 16 September 2013
- Mohd Puzhi Usop & Muhammad Seman. (2010). *Al-'Arabiyyah li al-'Ibādah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Mohd Zuhir Abd Rahman. (2014). *Pengaruh Konteks Sosiobudaya Tempatan Dalam Teks Pembelajaran Bahasa Arab*. Tesis Phd. Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Khirudin Amdan. (2011). *Strategi Pengajaran Pembelajaran: Kaedah Pelaksanaan Serta Cabaran Dalam Pelaksanaan*. Artikel Ilmiah. Kolej Komuniti Mas Gading. Tarikh capaian: 23.10.2013 dari: <http://www1.kkmas.edu.my/v1/index.php/en/publikasikmg/strategi-pengajaran-pembelajaran-kaedah-pelaksanaan-serta-cabaran-dalam-pelaksanaan>
- Mohammad Seman & Mohd Zuhir Abd Rahman. (2006). *Strategi Penilaian Pembelajaran Kemahiran Mendengar dan Bertutur Bahasa Arab*. Dalam Mat Taib Pa & Mohd Rosdi Ismail (Pnyt.). *Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mochamad Ismail, (2013). Peranan Psikolinguistik Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Takdib* 2013. Jurnal Fakulti Tarbiyah Universiti Darussalam, Ponorogo.
- Muhammad 'Ali al-Khuli. (1982). *Asalīb Tadrīs al-Lughah al-'Arabiyyah. Al-Tab'ah al-Thaniyah*. Al-Riyāḍ. Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah.
- Munby, J. (1978). *Communicative Approach to language Teaching*. London: Cambridge University Press.
- Mustafa Roslan. (1986). *Ta'lim al-Arabiyyah li Ghairi al-Nātiqīn bihā*. Kulliyah al-Tarbiyyah. Jāmi'ah 'Ain Shams.
- Naimah Abdullah, Norhayuza Mohamad, Zuraini Ramli, Aini Aziz, Juridah Atin, Midiyana Mohamad (2009). *Tinjauan Terhadap Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama (BATA) Di kalangan Masyarakat Islam Malaysia*. Institute Of Research, Development And Commercialization, Universiti Teknologi Malaysia (UITM).
- Najjah Salwa Abd Razak, Zulkarnaen Mohamed, Maheram Ahmad, Ezad Azraai Jamsari (2012). *Pembinaan Kurikulum Bahasa Arab Berasaskan Analisis Keperluan*. Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2012, Universiti Kebangsaan Malaysia. (pp: 648-660).

- Nation, ISP & Macalister, John. (2010). *Language Curriculum Design*. United Kingdom: Routledge.
- Nik Mohd Rahimi Yusuf. (1992). *Taşmīm Manhaj Ta'lim a-Lughah al-'Arabiyyah li Aghrađ Khas – Fahmu al-Qur'ān wa al-Hadīs li al-Mustawā al-Ibtidā'i*. Tesis sarjana. Ma'had al-Khurṭum al-Dawli.
- Noor Hisham Mohd Nawi. (2008). *Pembinaan Garis Panduan bagi Pembentukan Kurikulum Teras Fardu Ain di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nunan, D. (1988). *Syllabus Design*. Oxford: Oxford University Press.
- Othman Lebar. (2006). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metod*. Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ostwald, S. K. & Williams, H.Y. (1985). *Optimizing learning in the elderly: A model*. *Lifelong Learning: An Omnibus of Practice and Research*, 9(1), (pp: 10-13).
- Parera, Jos Daniel (1986). *Studi Linguistik dan Historis Bandingan*. Jakarta. Erlangga
- Parker, W. Forrest, Anctil, Eric J & Glen, Hass. (2006). *Curriculum Planning: A Contemporary Approach*. Boston. Allan & Bacon.
- Posner' George J, Rudnitsky. Alan N. (2006). *Course Design: A Guide To Curriculum Development For Teachers*. Boston: Pearson/Allyn And Bacon.
- Richards, J. C. (1984). *The Secret Life of Method*. *TESOL. Quarterly* 18(1), (pp:7-23).
- Richterich, R. & Chancerel, J-L. (1977). *Identifying the Needs of Adults Learning a Foreign Language*. Oxford: Pergamon Press.
- Rosni Samah, (2012). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharan B. Merriam & Mazanah Mohamad. (2000). *How Culture Shape Learning in Order Adulthood : The Case in Malaysia*. *Adult Education Quarterly*, 2000, 51:45. Capaian pada tarikh: 13.8.2013 dari <http://www.sagepublications.com>
- Sohair Abdel Moneim Sery.(2010). *Pengajaran Bahasa Arab Menerusi al-Quran*. Selangor : Pustaka Haji Abdul Majis

- Soghori, Mehdi Haseli. (2007). *Intoruction to Needs Analysis. English for Specific Purposes* World, Issue 4, 2008. Capaian dibuat pada 12.6.2013 dari : http://www.esp-world.info/Articles_20/DOC/Introduction%20to%20Needs%20Analysis.pdf
- Schleppegrell, Mary. (1987). *The Older Language Learner*. Eric Clearinghouse On Languages And Linguistics: Washington DC.
- Taba, H. (1962). *Curriculum Development: Theory And Practice*. New York: Harcourt, Brace & World.
- El-Tingari, Salih Mahgoub Mohamed. (2007). *Al-Lughat Al-‘Arabiyyat Li Aghrrād Khaṣṣah fī Mālīziyā: Min al-Ṭakhtīṭ ilā Al-Tanfīdh*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: National Seminar on Arabic Language Teaching.
- The Hamburg Declaration On Adult Learning. Article at: <http://www.unesco.org/education/ui/confintea/declaeng.htm>. (17 April 2013)
- Thamaithi A/P Durasingam. (2005). *Pembelajaran di Kalangan Warga Tua India: Di Barat Laut Rawang*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Ṭu‘aymah , Rushdi Ahmad (1989). *T‘alīm Al-Lughat Al-‘Arabiyyat Li Ghair Al-Nātiqīn Bihā: Manāhijuhū wa Asālibuhū*. Rabat: ISISCO.
- Ṭu‘aymah , Rushdi Ahmad (2004). *Al-Mahārāt al-Lughawiyyah: Mustawayātuhā, Tadrīsuhā wa Ṣu‘ūbātuhā*. Kaherah: Dar al-Fiqr al-‘Arabi.
- Tuan Jah Tuan Yusuf (2010). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Penerbit Multimedia.
- Wan Azura Wan Ahmad, L. A. (2006). *Pendekatan dan Strategi Efektif Dalam Penguasaan Bahasa Arab*. Nilai: Penerbit USIM.
- West, R. (1994). *Need Analysis in Language Teaching. Language Teaching* , V27, 1-19(1). Cambridge: Cambridge University Press.
- Yalden, Janice. (1983). *The Communicative Syllabus Evolution, Design And Implementation*. Oxford: Pergamon Press.
- Zainuddin Ismail, Ibrahim Yaacob & Salamiah Ab. Ghani. (2010). *Asas bahasa Arab Melalui al-Quran*. Bangi: Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainul Rijal Abdul Razak & Rosni Samah (2007). *Kesan Bahasa Arab Dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.

Laman sesawang

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0208&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm#ixzz2j5kW3m1r . Capaian dibuat pada : 20/10/2013

http://www.mssaas.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=63&Itemid=66. Capaian dibuat pada : 20/1/2014

<http://selangorarabiccentre.net/web>. Capaian dibuat pada : 20/10/2013

<http://arabic2u.my>. Capaian dibuat pada : 19/10/2013

<http://arabiconline.com.my>. Capaian dibuat pada : 19/10/2013

<http://www.e-mosque.com.my>. Capaian dibuat pada : 20/10/2013

<http://u3amalaysia.wordpress.com>. Capaian dibuat pada : 19/4/2013

<http://www.jpkk.edu.my>. Capaian dibuat pada : 20/10/2013

http://www.jkm.gov.my/file/file/pdf/dasar_warga_emas_negara.pdf. Capaian dibuat pada: 13/9/2013





© COPYRIGHT UPM



© COPYRIGHT UPM